

Fazurawati Che Lah
fazurawati@hmetro.com.my

Stok simpanan air susut

Kuala Lumpur

Empangan Semenyih, Selangor yang membekalkan air mentah kepada lebih sejuta penduduk Lembah Klang semakin menyusut sejak beberapa hari lalu.


Menurut laman web rasmi Info Kemarau Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), sehingga jam 5 petang semalam, baki stok simpanan air empangan itu didapati kurang daripada 50 peratus iaitu 37.14 peratus.

Kelmarin, isipadu takungan Empangan Semenyih berjumlah 42.19 peratus dan ia didapati menurun 5.05 peratus.

Penyusutan stok simpanan itu dipengaruhi keadaan cuaca sekarang yang panas dan kering kerana negara dilanda iklim Monsun Barat Daya.

Selain Empangan Semenyih, dua lagi empangan kekal pada tahap kritikal iaitu Empangan Bukit Kwong, Kelantan dan Empangan Muda, Kedah dengan stok isipadu masing-masing yang tinggal

Isipadu takungan Empangan Semenyih terus berkurangan



adalah 10.84 peratus dan 29.54 peratus.

Satu lagi empangan dengan baki storan 50 peratus adalah Empangan Pedu, Kedah dengan isipadu takungan 36.11 peratus.

Sementara itu, Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S Piarapakaran berkata, pengurusan syarikat air termasuk kerajaan negeri

perlu mengambil langkah berjaga-jaga bagi memastikan bekalan air tidak terjejas di Lembah Klang.

“Dengan keadaan cuaca panas yang dijangka berakhir September depan, penyusutan air secara berturut-turut akan berlaku, sekali gus boleh membawa kepada krisis air teruk sekiranya tiada persediaan dilakukan.

“Pihak pengurusan empa-

ngan perlu meneliti sifat empangan itu dan harus ada prosedur operasi standard (SOP) mengawal kadar air jika berlaku penyusutan sehingga bawah 50 peratus sama ada melambatkan pengeluaran air mentah atau melakukan tambahan isipadu air dengan aktiviti pembenihan awan untuk hasilkan hujan,” katanya.

Beliau turut menyarankan

mana-mana syarikat air melakukan pemuliharaan awal ketika takungan mencapai paras berjaga-jaga iaitu kod kuning bagi mengelakkan empangan diberhentikan operasi secara mengejut kerana sudah mencapai kod merah.

“Tidak perlu tunggu paras air mencecah kod merah kerana senario musim panas yang berlaku setiap tahun dan pada bulan yang sama.

“Sepatutnya pihak pengurusan merancang tindakan elak stok air menurun pada musim kemarau”

S Piarapakaran

“Jika didapati stok mencapai kod kuning, ia sebenarnya situasi tidak selesa, sepatutnya pihak pengurusan merancang tindakan bagi mengelakkan stok air menurun secara drastik selepas memasuki musim kemarau,” katanya.

Beliau turut menasihatkan pengguna mengambil langkah memulakan penjimatan air untuk membantu memanjangkan ‘jangka hayat’ bekalan sumber itu di empangan ketika negara mengalami musim panas dan kering yang dijangka berakhir September depan.